

**KAJIAN EKONOMETRIK
INDUSTRI MINYAK KELAPA
SAWIT DI SABAH**

REMALI YUSOFF

**SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KAJIAN EKONOMETRIK INDUSTRI MINYAK KELAPA SAWIT

DI SABAH

REMALI BIN YUSOFF

Sekolah Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Malaysia Sabah

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor utama yang mempengaruhi penawaran dan permintaan minyak kelapa sawit Sabah. Justeru itu sebuah struktur model industri minyak kelapa sawit Sabah dibentuk dan dianggar dengan menggunakan data tahunan bagi tempoh 1970-1996. Struktur model berkenaan mengandungi empat persamaan gelagat dan satu persamaan identiti. Model yang dibentuk bersifat blok rekursif dan dianggar dengan menggunakan Kaedah Kuasa Dua Terkecil Dua Peringkat (2SLS) dalam bentuk linear dalam log. Model ini menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi keluasan kawasan matang, pengeluaran, permintaan dalam negeri dan permintaan luar negeri. Hasil kajian menunjukkan keluasan kawasan matang dipengaruhi oleh harga minyak kelapa sawit tempatan, harga biji koko kering tempatan, kos buruh dan kadar faedah pinjaman untuk sektor pertanian. Faktor-faktor penting adalah harga minyak kelapa sawit tempatan, kos buruh dan kadar faedah pinjaman untuk sektor pertanian. Pengeluaran, dipengaruhi oleh keluasan kawasan matang, bilangan buruh, kuantiti baja dan teknologi. Faktor-faktor penting adalah keluasan kawasan matang, kuantiti baja dan teknologi. Permintaan dalam negeri dipengaruhi oleh harga minyak kelapa sawit tempatan, harga kelapa kering tempatan, harga purata sabun (sabun mandi), keluaran dalam negeri kasar, jumlah penduduk dan permintaan dalam negeri tertanggung satu tahun. Permintaan luar negeri dipengaruhi oleh harga eksport minyak kelapa sawit, harga minyak kacang soya, penggunaan minyak kelapa sawit dunia, kadar pertukaran diantara ringgit Malaysia (RM) dengan dollar Amerika Syarikat (US\$) dan permintaan luar negeri tertanggung satu tahun. Implikasi daripada kajian didapati bahawa menurunkan tingkat kadar faedah pinjaman atau menetapkan kedudukan kadar faedah pinjaman pada kedudukan yang bersesuaian, mengurangkan kos buruh, meningkatkan pengeluaran melalui penggunaan baja secara optima, meningkatkan teknologi melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D), meningkatkan sektor pemprosesan tempatan dan perkilangan barangan berasaskan minyak kelapa sawit, penting bagi meningkatkan perkembangan industri minyak kelapa sawit di Sabah. Di samping itu penilaian model juga dilakukan untuk menilai kesesuaian model tersebut di antara yang sebenar dengan yang dianggar.



ABSTRACT

The objective of the study is to determine the factors influencing the supply and demand for Sabah palm oil industry. A structural model of the Sabah palm oil industry is estimated using annual data for the 1970-1996 period. The structural model consists of four behavioural equations and one identity. A block recursive functional form is used and estimated using the two-stage least squares in the log linear form. The behavioural equations are used to estimate influences of various factors on the hectareage of mature oil palm, the production of oil palm, the domestic demand and the foreign demand for Sabah palm oil. The estimation results showed that the matured area is influenced by the domestic price of the oil palm, local prices of dried cocoa beans, costs of labour and interest rates. The important factors are domestic prices of the oil palm, costs of labour and interest rate. The production influenced by the matured area, the quantity of labour, quantity of fertilizers used and level of technology. The important factors are matured area, quantity of fertilizers used and level of technology. The domestic demand influenced by the domestic prices of oil palm, price of copra, average price of soap, Sabah GNP, total population and local demand in the previous year. The important factors are domestic prices of oil palm, average price of soap, Sabah GNP, total population and local demand in the previous year. It is also shown that among the factors influencing the foreign demand for Sabah oil palm industry include the domestic demand of oil palm, price of soya beans, world oil palm consumption, the exchange rate of Malaysia Ringgit relative to US dollar and one year lag foreign demand. The important factors are domestic demand of oil palm, world oil palm consumption, the exchange rate of Malaysia Ringgit relative to US dollar and one year lag foreign demand. The implications the study is that by lowering the interest rate for loan or fixing the interest rate at an appropriate level, increasing production by enhancing labour productivity and using optimum fertilizer, increasing the local processing and manufacturing of oil palm sector, are important for enhancing the development of Sabah's oil palm industry. In addition, model assessment is made to evaluate the compatibility of the said model between the estimated and actual values.